

Robot Jugra tewaskan 51 pasukan lawan

◉ Dari muka 1

"Jugra adalah milik sekolah melalui Kelab Robotik dan ia menjadi satu identiti sekolah apabila setiap kali kami beraksi dalam pertandingan. Ternyata sentuhan pelajar senior, guru penasihat dan ahli kelab lain memberi impak positif dengan perkembangan teknologi masa kini," katanya.

Kemenangan itu melayakkan pasukan yang turut disertai Muhd Aswad Amir Hamzah dan Abdul Rahman Auf Saberi, menerima wang

tunai sejumlah RM1,500, trofi dan sijil penyertaan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Ir Azman Mohd. Turut hadir Ketua Pegawai Informasi (TNB), Kamaruddin Mahmood.

Muhammad Syafiq berkata, kemenangan yang tidak dijangka pada awalnya itu menjadi pembakar semangat untuk pasukannya beraksi cemerlang selain mencipta robot dengan alat kawalan baru.

"Siapa sangka sebanyak 51 pasukan daripada 22 buah sekolah seluruh negara bersaing menunjukkan kehebatan robot masing-masing, namun berbekalkan keyakinan terhadap kebolehan Jugra, kami berjaya mengharungi cabaran dan menewaskan pasukan lawan sehingga berjaya mendapat tempat pertama," katanya.

Pertandingan untuk generasi muda

Tidak ketinggalan untuk bersama-sama mendidik generasi muda mengenai teknologi robot, UNITEN menganjurkan pertandingan robotik, Robogamez UNITEN 2013.

Pertandingan yang memasuki tahun ketujuh penganjurannya diadakan khusus untuk merangsang minat dan kreativiti generasi muda dalam bidang inovasi dan teknologi kejuruteraan.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan termasuk kategori terbuka yang disertai oleh 120 pasukan dari



Antara robot ciptaan yang dipertandingkan

institusi pengajian tinggi tempatan, sekolah menengah dan sekolah rendah seluruh negara.

Terdahulu dalam ucapannya, Azman berkata, pertandingan robot yang bertemakan 'Judgement is Coming' dilihat sebagai satu landasan untuk menyemai semangat kerjasama sebagai satu pasukan dalam kalangan peserta.

"Selain daripada semangat kerjasama, pertandingan ini menjadi medan untuk peserta menunjukkan

bakat dan kepakaran dalam dunia robotik yang semakin mendapat tempat dalam masyarakat kini.

"Generasi muda menjadi antara golongan sasaran yang tepat untuk didekahkan dunia robotik sebenar. Idea baru dan segar mereka memberi impak positif kepada dunia robotik masa hadapan di negara ini," katanya.

Putrabot-X harumkan UPM

Sementara itu, salah satu

pasukan yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM), berjaya mengharumkan nama universiti berkenaan apabila robot yang dinamakan Putrabot-X berjaya memenangi tempat pertama dalam pertandingan itu.

Kemenangan itu melayakkan mereka membawa pulang wang tunai sejumlah RM3,500 selepas menewaskan dua pasukan tuan rumah iaitu Coe Kiosk dan Uniten Alumni 4 selain pasukan dari Universiti Malaya (UM) di tempat keempat.

Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik dan Elektronik) UPM, Mohd Hasimi Mohd Sidek berkata, kemenangan itu memberi satu kenangan manis kepada pasukannya selain berbaloi hasil penat lelah mereka selama ini.

"Penat lelah kami menghasilkan Putra-Bot X semangannya terbayar selepas diumumkan sebagai pemenang. Pelbagai cabaran terpaksa dilalui oleh pasukan kami namun ia tidak menjadi penghalang buat kami untuk menyiapkan robot ini," katanya.

Selain Mohd Hasimi, pasukan UPM yang diwakili Mohamad Hafizi Kasman, 23, Mohamad Asmi Ashaari, 24, dan Muhammad Azizi Md Idrus, 22, menerima RM500 selepas robot rekaan mereka diiktiraf sebagai kejuruteraan terbaik.

SKOR

REDAKSI

PENGARANG URUSAN KUMPULAN NSTP

Datuk Abdul Jalil Hamid

PENGARANG KUMPULAN BH

Datuk Mior Kamarul Shahid

TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BH

Mahfar Ali

PENGARANG EKSEKUTIF RENCANA

Zainor Said

PENGARANG PENDIDIKAN

Muhd Yusuf Abu Bakar

PENGARANG BERITA PENDIDIKAN (EDITORIAL)

Fadzlena Jafar

PENGARANG BERITA PENDIDIKAN (PROJEK)

Ridzuan Yop

PENOLONG PENGARANG BERITA PENDIDIKAN (EDITORIAL)

Norliza Abdullah

PENOLONG KETUA PENYUNTING

Nurairhan Ibrahim

PENOLONG EDITOR GRAFIK & REKA LETAK

Ahmad Radi Harun

WARTAWAN

Nas Norziela Nasbah

Khairunnisa Kamarudin

EKSEKUTIF ARTIS

Mariyathul Kabtiah Ree

PENYUNTING EKSEKUTIF

Muhammad Fakhri Alias

Rosdi Ismail

PENGEDARAN

Balai Berita, Kuala Lumpur

Nadza Affendi / Fariza Yaacob

Unit Perkhidmatan Pendidikan,

Jabatan Pengedaran NSTP 31, Jalan Riong,

59100 Kuala Lumpur

Tel: 03-2056 9547/236/1564

Faks: 03-22826216/5502

Talian Bebas: Tel: 1 800 880 239

PENGIKLANAN: Tel: 03-22822328 samb

5842 / 5652

PENGEDARAN: Balai Berita, Kuala Lumpur

Nadza Affendi / Fariza Yaacob

Unit Perkhidmatan Pendidikan,

Jabatan Pengedaran NSTP 31, Jalan Riong,

59100 Kuala Lumpur

Tel: 03-2056 9547/236/1564

Faks: 03-22826216/5502

Talian Bebas: Tel: 1 800 880 239

PENGIKLANAN: Tel: 03-22822328 samb

5842 / 5652

Sebarang pertanyaan dan surat menyurat hantarkan kepada:

Pengarang, Unit Pendidikan, BH

BALAI BERITA, NO. 31 JALAN RIONG,

59100 Bangsar, Kuala Lumpur

Tel: 03-22822323 samb 4771/4772/4780

E-mel: bhskor@bharuan.com.my



"KEMENANGAN YANG TIDAK DIJANGKA PADA AWALNYA ITU MENJADI PEMBAKAR SEMANGAT KAMI UNTUK BERAKSI CEMERLANG SELAIN MENCIPTA ROBOT DENGAN ALAT KAWALAN BARU"

Muhammad Syafiq
Pelajar SMK, Jugra.



Tiga orang pelajar dari SMK Jugra gembira menerima wang tunai, trofi dan sijil apabila menjuarai tempat pertama dalam pertandingan Robogamez 2013 anjuran UNITEN baru-baru ini.